

## Ujian bagi mengesan kanser dari awal

Australia mempunyai tiga program penyaringan kanser. Program-program ini menggunakan pelbagai ujian mudah bagi mengesan tanda-tanda awal kanser usus, payudara dan serviks. Lebih mudah merawat kanser jika dikesan awal-awal, dan lebih tinggi peluang meneruskan hidup.

Ujian-ujian ini untuk mereka yang tiada tanda-tanda kanser. Jika anda ada tanda-tanda kanser, beritahu doktor.

Tiga ujian ini percuma jika anda ada kad Medicare hijau atau biru (sementara). Jika tiada kad Medicare, berbincanglah dengan doktor tentang kos ujian tersebut.

Penyaringan kanser dapat menyelamatkan nyawa anda.

Jika ingin penerangan lanjut tentang penyaringan kanser usus, payudara atau serviks, layari

- [cancersa.org.au](http://cancersa.org.au)
- [breastscreen.sa.gov.au](http://breastscreen.sa.gov.au)
- [ncsr.gov.au](http://ncsr.gov.au)

Jika memerlukan sokongan selepas diagnosis kanser, hubungi **Cancer Council SA 13 11 20**.



Penerangan ini disediakan oleh Cancer Council (Majlis Kanser) SA dan BreastScreen SA. Percetakan dan penterjemahan dibiayai oleh Country SA PHN.



Untuk penerangan serta sokongan percuma\* dan sulit tentang kanser, dari hari Isnin hingga Jumaat 9.00 pagi – 5.00 petang:

- hubungi Majlis Kanser **13 11 20**
- sembang dalam talian di [cancersa.org.au](http://cancersa.org.au)
- e-mel [askanurse@cancersa.org.au](mailto:askanurse@cancersa.org.au)

Perkhidmatan jurubahasa\* percuma tersedia di **131 450**.

\*Kos panggilan tempatan

Disemak bulan Februari 2025



## Ujian bagi mengesan kanser dari awal

Penerangan tentang pelbagai program penyaringan kanser di Australia



Penerangan dan sokongan

**131120**

[cancersa.org.au](http://cancersa.org.au)



## Mengesan kanser usus dari awal

Di Australia, terdapat National Bowel Cancer Screening Program (Program Penyaringan Kanser Usus Negara). Program ini menggunakan ujian yang mudah bagi mengesan tanda-tanda awal kanser usus, kerap kali sebelum anda perasan tanda-tanda itu. Kit ujian ini akan dikirimkan ke rumah anda melalui pos.

Semua penduduk Australia yang layak, berumur 45–74 tahun, patut menjalani ujian kanser usus sekali setiap dua tahun.

**Umur 45–49:** Kit ujian kanser usus anda yang pertama hendaklah dipesan dalam talian. Setelah itu, anda akan menerima ujian baharu secara automatik setiap dua tahun.

**Umur 50–74:** Kit ujian kanser usus akan dikirimkan setiap dua tahun; anda tidak perlu memesannya.

### Cancer Council SA mengesyorkan supaya anda:

- Gunakan kit ujian apabila mendapatnya, dan kembalikan melalui pos.
- Berjumpa doktor jika ada tanda-tanda kanser usus. Tanda-tanda termasuk pendarahan dari dubur, darah di tandas atau pada kertas tandas selepas buang air besar, sembelit atau cirit-birit yang tidak diketahui puncanya, atau kelesuan yang tidak diketahui puncanya.
- Berjumpa doktor jika ada sejarah keluarga yang menghidap kanser usus.

### Imbas kod QR untuk:

- Untuk memesan kit ujian anda yang pertama, atau ujian pengganti.
- Mendapatkan penerangan dalam bahasa anda.



## Mengesan kanser payudara dari awal

BreastScreen SA menawarkan mammogram penyaringan percuma bagi mengesan kanser payudara seawalnya. Mammogram ialah sejenis x-ray payudara.

Mammogram penyaringan adalah untuk wanita berusia 40 tahun ke atas, terutama 50–74 tahun.

Imbas kod QR atau telefon BreastScreen SA 13 20 50 untuk menjadualkan mammogram percuma. Khidmat jurubahasa wanita juga dapat ditempah untuk temu janji anda, tanpa bayaran.

Kakitangan semuanya wanita. Anda tidak perlu mendapatkan rujukan daripada doktor.

### Cancer Council SA dan BreastScreen SA mengesyorkan supaya anda:


- Menjalani mammogram penyaringan percuma ini setiap dua tahun.
- Memahami rupa dan rasa payudara anda yang normal, supaya dapat mengesan apa-apa perubahan. Perubahan termasuk ketulan, rembesan daripada puting, atau apa juar perubahan lain yang bagi anda tidak normal.
- Berjumpa doktor jika melihat apa-apa perubahan, kerana mammogram penyaringan tidak sesuai bagi anda.

### Layari [breastscreen.sa.gov.au](http://breastscreen.sa.gov.au):

- Untuk penerangan lanjut tentang menjalani mammogram.
- Untuk penerangan dalam bahasa anda.

### Imbas kod QR untuk:

- Menjadualkan temu janji mammogram dalam talian.



## Mengesan kanser serviks dari awal

Pengimunan terhadap papillomavirus manusia (HPV) dan ujian penyaringan serviks dari semasa ke semasa dapat mencegah kanser serviks.

Wanita dan mereka yang mempunyai serviks berusia 25–74 tahun patut menjalani ujian setiap lima tahun di klinik perubatan. Anda dapat melakukan ujian sendiri (diambil sendiri), atau ujian dapat dilakukan oleh doktor atau jururawat.

### Cancer Council SA mengesyorkan supaya anda:

- Mendapatkan pengimunan terhadap HPV. Vaksin ini percuma bagi mereka yang berusia 12–25 tahun. Dapatkan vaksin di farmasi atau klinik perubatan. Kanak-kanak Tahun 7 ditawarkan vaksin di sekolah.
- Mendapatkan Ujian Penyaringan Serviks mulai umur 25 tahun.
- Semasa membuat temu janji, mintalah jurubahasa jika anda perlukan. Jika mahu, anda juga boleh minta doktor atau jururawat perempuan.
- Berjumpa doktor jika ada tanda-tanda kanser serviks. Tanda-tanda termasuk pendarahan di selang seli haid, atau kesakitan semasa hubungan seks.

### Imbas kod QR untuk penerangan lanjut tentang penyaringan serviks, termasuk pilihan ujian yang diambil sendiri.

